



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Sabtu, 16 April 2022	
1.	Daging import patuhi penyembelihan halal: Jakim
2	Berbaloi bela angsa Australia
3	Pemborong juga jadi mangsa ayam naik

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Daging import patuhi penyembelihan halal: Jakim

Putrajaya: Tidak perlu gusar daging import berikutan proses penyembelihan halal dilakukan Thomas Foods Industries di Australia masih mematuhi keperluan standard penyembelihan halal Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Hakimah Mohd Yusoff berkata, ia juga mematuhi peraturan ke atas haiwan yang ditetapkan pihak berkuasa Australia.

Beliau berkata, susulan laporan sebuah akhbar tempatan yang mendedahkan rumah sembelihan di Australia bekal daging tidak mengikut syariat Islam, Jakim meminta penjelasan dari *Supreme Islamic Council of Halal Meat in Australian Inc* (SICHMA).

"Kami juga dimaklumkan Pegawai Atase Halal Jakim di Canberra yang menjalankan audit berkala ke atas Thomas Foods Industries pada 2 Mac lalu bahawa syarikat itu mematuhi peraturan ditetapkan.

"SICHMA juga sudah membuat kenyataan akhbar pada 12 April lalu dan memberi penjelasan serta menafikan dakwaan ketidakupayaan organisasi itu dalam membuat pengesahan halal ke atas rumah sembelihan di bawah seliaan mereka," katanya, semalam.

Menurutnya, SICHMA juga memaklumkan mereka sudah membuat pengauditan berkala ke atas Thomas Foods Industries.

Katanya, pihak berkuasa Australia iaitu *Department of Agriculture, Water and the Environment* (DAWE) yang memberi maklum balas segera dalam isu ini menegaskan pihaknya sudah memulakan siasatan mendalam dakwaan ini serius.

"DAWE menegaskan Australia mempunyai peraturan ketat yang mengawal keseluruhan proses penyediaan daging halal untuk di eksport dan hanya produk daging yang telah memenuhi peraturan dan keperluan eksport serta mematuhi keperluan negara pe-

ngimport sahaja yang akan dibenarkan untuk dieksport," katanya.

Hakimah menjelaskan, prosedur pengiktirafan pengeksportan daging ke Malaysia seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Malaysia adalah termasuk aspek kebajikan haiwan sembelihan dan aspek yang sama juga adalah menjadi keutamaan bagi pihak berkuasa di Australia.

Katanya, Malaysia mempunyai polisi mengenai kebajikan haiwan dan diperkukuhkan lagi dengan



DAWE menegaskan Australia mempunyai peraturan ketat yang mengawal keseluruhan proses penyediaan daging halal"

Hakimah

keperluan halal yang ditetapkan oleh Jakim.

"Jakim akan memanggil Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Perkemas), pada masa sama akan mendapatkan maklumat lanjut dari pihak berkuasa di Australia bagi membantu menangani isu ini," katanya.



PROSES penyembelihan halal dilakukan Thomas Foods Industries di Australia mematuhi keperluan standard penyembelihan halal Malaysia.

BERBALOI BELA ANGSA AUSTRALIA

**Mek Nor rasa seronok jual
baka unggas import walau
terpaksa keluar modal besar**

Oleh Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Besut

Seorang warga emas mencipta kelainan tersendiri apabila memelihara pelbagai jenis angsa dan itik baka di rumahnya. Sekali gus berbeza daripada kebiasaan warga emas lain yang memelihara ayam atau itik kampung.

Mek Nor Ibrahim, 66, dari Felda Selasih, Jerit menternak angsa baka daripada Australia seperti *White Africa Lionhead*, *Silver Africa*

Lionhead, *Giant Dewlapp Buff* dan *Emden* selain itik *Roune* atau lebih dikenali sebagai itik kepala hijau.

Katanya, dia memilih untuk memelihara angsa baka itu berbanding ayam dan itik biasa kerana pulangan daripada menjual ternakan itu lebih berbaloi.

"Memang saya terpaksa mengeluarkan modal yang besar bagi mengimport angsa dan itik baka dari Australia itu.

"Bagaimanapun, keuntungan dan hasil yang diperoleh hasil menjual anak angsa baka dan itik dari luar

Mek Nor menunjukkan itik *Roune* atau itik kepala hijau dari Australia.



Mek Nor memegang angsa baka *White Africa Lionhead* yang berharga RM3,000 sepasang.



**Seronok memelihara
angsa baka ini kerana
ia tidak garang
seperti angsa
kampung biasa"**

Mek Nor

negara itu jauh lebih lumayan.

"Modal besar dikeluarkan hanya sekali untuk membeli induk-induk angsa dan itik baka itu, selepas itu saya memperoleh keuntungan apabila menjual anak-anak angsa dan itik baka yang cepat membiak itu," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Mek Nor berkata, dia pernah menjual angsa jenis *Giant Dewlapp Buff* dengan harga RM12,000 sepasang.

"Angsa jenis *White Africa Lionhead* pula saya pernah jual RM3,000 sepasang.

"Paling banyak jualan anak itik *Roune* dengan harga RM2,000 sepasang, manakala anak berusia satu minggu berharga RM150 seekor," katanya.

Tambahnya, selain lebih 30 ekor angsa dan itik baka, dia juga memelihara ayam ratu.

"Paling kurang saya perlu memperuntukkan RM500 sebulan untuk membeli makanan ternakan itu.

"Seronok memelihara angsa baka kerana ia tidak garang seperti angsa kampung biasa seterusnya bo-

leh dipeluk dan dibelai seperti haiwan kesayangan.

"Walaupun angsa baka itu tidak garang, namun ia tetap berfungsi sebagai haiwan penjaga rumah kerana akan membuat bising setiap kali melihat kelibat orang yang tidak dikenali," katanya.

Menurutnya, dia merancang untuk membesarkan lagi saiz kandang angsa dan itik baka dalam tempoh terdekat seterusnya mengeluarkan lebih banyak anak-anak angsa dan itik baka yang boleh dijual.

"Sekarang stok angsa dan itik yang sedia dijual tidak mencukupi sehingga ramai pelanggan yang terpaksa membuat tempahan awal untuk mendapatkan angsa dan itik baka itu," katanya.



ANGSA baka *Silver Africa Lionhead*.



ANGSA baka *Giant Dewlapp Buff*.

Pemborong juga mangsa ayam naik



PENETAPAN harga maksimum ayam RM8.90 sekilogram oleh kerajaan dilihat tidak menyelesaikan masalah, malah membebankan lagi peniaga dan pengguna. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

Oleh MUHAMMAD
SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamula.com.my

MELAKA: Kerajaan digesa lebih proaktif mengawal kenaikan kos di peringkat ladang ternakan ayam selain menyejajarkan pembayaran tuntutan subsidi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pemborong, Ke Jok Kwee berkata, mereka turut menjadi mangsa keadaan selepas terpaksa berdepan kenaikan harga ayam, susulan kenaikan kos dedak yang meningkat sehingga 300 peratus.

Katanya, meskipun kerajaan memberi subsidi sebanyak 60 sen kepada penternak, jumlah itu tidak mencukupi dan gagal menampung kenaikan kos makanan yang tinggi disebabkan penularan Covid-19 serta kesan peperangan Ukraine dan Rusia.

"Kerajaan memang memberi subsidi tetapi tidak cukup. Selain itu, tuntutan subsidi lambat dibayar kepada penternak. Beri-

kutan ladang ternakan sukar menjana keuntungan, mereka menjual ayam kepada pemborong pada harga borong iaitu RM7.60 sekilogram.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) beritahu mereka tidak boleh buat apa-apa kerana peladang ini memiliki lesen pemborong. Kami sebagai pemborong terpaksa jual kepada peruncit harga RM7.60 sekilogram juga. Mana ada untung.

"Kalau jual harga lebih daripada itu nanti pihak berwajib saman pula. Banyak kos yang kami kena tanggung seperti upah pekerja dan utiliti, sampai bila mahu sabar dengan keadaan seperti ini?" katanya ketika ditemui.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, peniaga ayam di Pasar Besar Melaka di sini merayu kepada kerajaan agar caj pemotongan ayam tidak dipamerkan kepada pelanggan, sebaliknya kos itu diserap masuk dalam harga

kawalan.

Langkah itu dilihat memudahkan proses jual beli kerana tidak perlu lagi memberi penerangan kepada setiap pelanggan yang bertanya.

Dalam pada itu, Jok Kwee menambah, kos pengangkutan terpaksa dikenakan selepas pihak peladang turut mengenakan caj tersebut kepada pemborong.

Katanya, alasan pihak ladang adalah mereka masih tidak mendapat untung yang dimahukan, justeru bertindak mengenakan kos pengangkutan.

"Selama saya berniaga 40 tahun, belum pernah lagi saya kenakan caj pengangkutan. Disebabkan masalah ini saya terpaksa pindahkan kos ini kepada peniaga runcit.

"Tetapi peniaga runcit tidak boleh pindahkan kos tersebut kepada pengguna. Harga ayam standard sudah dikawal. Sebab itu mereka kenakan caj untuk pemotongan ayam bagi mendapat sedikit keuntungan," ujarnya.